

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
1 (a)	F1 Pergaulan bebas F2 Penyalahgunaan dadah F3 Berpeleseran sehingga lewat malam <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 [Mak. 2 m]
1 (b)	F1 Bersikap individualistik F2 Manusia kurang beradab F3 Hubungan sosial terjejas F4 Menjejaskan keharmonian masyarakat F5 Kurang melibatkan diri dalam aktiviti sosial F6 Menggunakan bahasa badan yang kurang menyenangkan F7 Meminggirkan orang yang lebih tua F8 Tidak menghormati amalan beribadat kaum lain <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3 m]
1 (c)	Ibu bapa: F1 Meluangkan lebih banyak masa bersama anak-anak H1 Anak-anak rasa dihargai dan disayangi F2 Mengawasi pergerakan anak-anak H2 Mengelakkan anak-anak terlalu bebas F3 Mengambil berat pergaulan anak-anak H3 Mengenali rakan anak Kerajaan: F4 Mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya hedonisme H4 Melahirkan kesedaran diri dalam generasi muda tentang kepentingan menjauhi budaya hedonisme F5 Menganjurkan lebih banyak aktiviti yang meningkatkan nilai agama dan moral dalam kehidupan generasi muda H5 Generasi muda yang kuat pegangan agama dapat membuat pertimbangan wajar dalam membuat keputusan <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 4 m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
2 (a)	F1 Pengaruh rakan sebaya / meniru tingkah laku rakan sebaya untuk diterima dalam kumpulan F2 Pengaruh media sosial yang banyak memaparkan kandungan negatif F3 Kurang perhatian serta kasih sayang ibu bapa menyebabkan remaja mencari penerimaan di luar rumah F4 Perubahan emosi yang mendorong perasaan ingin mencuba sesuatu yang baru F5 Kurang didikan yang menekankan nilai moral dan ajaran agama sebagai panduan hidup Mak:2 m	1 1 1 1 1
2 (b)	F1 Ibu bapa berperanan menerapkan didikan agama kepada anak-anak H1 Didikan agama sejak kecil agar anak-anak dapat membezakan perkara baik dan buruk	1 1

	F2 Ibu bapa menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak H2 Anak-anak dapat mencontohi tingkah laku dan sikap baik ibu bapa F3 Ibu bapa berperanan memberikan perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak H3 Anak-anak mendapat perhatian sewajarnya dan bebas dari tekanan yang membantu mereka membesar dengan baik *terima mana-mana jawapan yang munasabah	1 1 1 1 Mak:4 m
2 (c)	F1 Membentuk keperibadian mulia dalam kehidupan seharian seseorang individu H1 Seseorang individu dapat menunjukkan perlakuan baik dan mendapat penghargaan orang lain F2 Membolehkan seseorang individu membuat pertimbangan yang wajar H2 Seseorang individu akan lebih berwaspada dalam setiap tindakan yang dilakukan *terima mana-mana jawapan yang munasabah	1 1 1 1 Mak:4 m

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
3 (a)	F1 Menukar telefon merupakan 1 kehendak. H1 Telefon lama masih berfungsi/tidak rosak H2 Telefon yang lama masih boleh digunakan H3 Wang yang ada boleh dibuat pelaburan H4 Wang boleh disimpan untuk waktu kecemasan H5 Wang digunakan untuk membeli barang keperluan yang lebih penting F2 Menukar telefon merupakan 1 keperluan. H6 Telefon lama telah penuh datanya H7 Memori telefon yang tidak mencukupi H8 Telefon cepat rosak berhenti/ H9 Telefon lama tiada waranti H10 Telefon lama tidak berkualiti H11 Telefon lama tidak popular (Mana-mana jawapan munasabah)	 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3m] 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 3m]
3 (b)	H1 Menguruskan perbelanjaan secara berhemah H2 Membuat pinjaman mengikut kemampuan H3 Membuat simpanan waktu kecemasan H4 Membayar pinjaman secara konsisten H5 Membuat tabungan daripada lebihan pendapatan H6 Menggunakan perbelanjaan budi bicara selepas menolak palaburan dan perbelanjaan H7 Membuat simpanan sebanyak atau sekurang-kurangnya 10%	1 1 1 1 1 1 1

	pada setiap bulan H8 Berjimat dalam berbelanja H9 Membeli secara dalam talian kerana lebih murah dan mendapat rebat untuk membeli barangan lain yang diperlukan H10 Menggunakan baucar yang diperolehi dari pasaraya tertentu menebus guna rebat yang diperolehi daripada pasaraya (Mana-mana jawapan yang munasabah)	1 1 1 1 1 [Mak. 3m]
3(c)	H1 Kadar muflis meningkat dalam kalangan generasi muda H2 Wujud komuniti yang boros H3 Kesan psikologi kepada generasi muda H4 Keberhutangan dalam kalangan generasi muda meningkat H5 Keselamatan keluarga terjejas H6 Tekanan dalam keluarga berlaku H7 Perpecahan dalam keluarga/ bercerai H8 Keluarga mendapat malu/ maruah keluarga terjejas H9 Harta dirampas/disita/ ditarik balik kerana tidak mampu membayar hutang H10 Kejadian bunuh diri meningkat H11 Kejadian jenayah seperti rompakan dan ragut meningkat	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 2m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
4(a)	F1 Berumur 18 tahun keatas F2 Warganegara Malaysia	1 1
4(b)	F1 Menentukan kerajaan H1 Rakyat dapat memilih wakil atau parti yang akan memimpin negara F2 Menjamin suara rakyat didengar H2 Pandangan dan keperluan rakyat dapat diwakili dalam proses membuat keputusan	1 1 1 1
4(c)	F1 Kerajaan yang dipilih tidak mewakili suara majoriti rakyat H1 Keputusan pilihan raya hanya berdasarkan undi daripada sebahagian kecil penduduk H2 Boleh menyebabkan kerajaan yang dibentuk tidak mencerminkan kehendak keseluruhan rakyat C1 Contohnya, jika hanya 50% rakyat mengundi, parti yang menang mungkin hanya disokong oleh sebahagian kecil rakyat sahaja.	1 1 1 1

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
5(a)	P1 Sedih F1 Keluarga tidak harmoni dan bahagia H1 Ibu bapa sering bergaduh menyebabkan saya berasa takut.	1 1 1 [max : 2 m]
5(b)	F1 Institusi kekeluargaan runtuh. H1 Berlakunya perceraian dan perpecahan keluarga F2 Kerosakkan akhlak dalam kalangan anggota keluarga	1 1 1

	H2 Anak-anak terlibat dengan gejala sosial F3 Membentuk komunikasi yang buruk dalam keluarga H3 Anak-anak akan menjadi pemarah dan pendendam kepada ibu bapa	1 1 1 [max : 4 m]
5(c)	F1 Johan mengajak ahli keluarganya bergotong-royong melakukan kerja rumah. H1 Hal ini supaya Johan dapat merapatkan hubungan dengan ahli keluarga apabila sama-sama melakukan kerja di samping dapat meringankan kerja ibu bapanya. F2 Sentiasa berkomunikasi dan berkumpul antara ahli keluarga H2 Hal ini akan membolehkan mereka berkongsi masalah dan menyelesaikan masalah bersama.	1 1 1 1 [max : 4 m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
6 (a)	F1 Melindungi kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun daripada kandungan filem tidak sesuai dengan peringkat umur. H1 Mengelakkan kanak-kanak dan remaja di bawah 18 tahun daripada terlibat dalam gejala negatif. F2 Memelihara hak penonton dewasa untuk memilih filem yang hendak ditonton. H2 Penonton dewasa dapat memilih untuk menonton filem yang tidak keterlaluan. <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 [Mak. 2 m]
6 (b)	Watak : Ibu bapa - Membimbing anak-anak memilih kandungan filem yang sesuai - Menasihati anak-anak yang ingin menonton filem yang tidak sesuai - Memberikan penerangan sebab memilih filem yang sesuai - Menerangkan perbezaan klasifikasi filem - Menemani anak-anak untuk menonton filem yang sesuai - Menjelaskan kandungan filem semasa menonton - Memberitahu kesan negatif melakukan tindakan negatif dalam filem - Membetulkan pemikiran anak-anak dengan segera apabila dipengaruhi oleh kandungan filem - Menjelaskan keburukan meniru aksi merokok dalam filem <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [Mak. 8 m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
7 (a)	F1 Tindakan yang akan saya lakukan ialah menegur perbuatan mereka secara sopan. F2 Selain itu saya juga akan membuat laporan kepada pihak berkuasa seperti Majlis Daerah sekiranya mereka tidak menghiraukan teguran saya.	1 1 [max : 2 m]

7 (b)	F1	Dapat memupuk semangat perpaduan Bersama penduduk perumahan.	1
	H1	Zhe Yuan akan bergaul dengan komuniti yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya.	1
	C1	Contohnya melalui penyertaan dalam program komuniti, Zhe Yuan dapat berintersksi dengan jiran-jirannya dari latar belakang yang berbeza.	1
	I1	Kesimpulannya, Zhe Yuan dapat membina hubungan rapat dengan penduduk di kawasan perumahannya melalui aktiviti komuniti yang disertainya.	1
	F2	Selain itu, Zhe Yuan dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan selamat untuk didiami.	1
	H2	Melalui program gotong-royong itu, Zhe Yuan dapat mengurangkan risiko penyakit yang berpunca daripada persekitaran yang kotor.	1
	C2	Contohnya, kawasan longgokkan sampah boleh menjadi tempat pembiakan serangga dan haiwan perosak yang kemudiannya menyebarkan penyakit berjangkit kepada penduduk.	1
	I2	Kesimpulannya, Zhe Yuan dapat hidup tenang tanpa bimbang tentang sampah serta bahaya Kesihatan yang mungkin timbul akibat pencemaran.	1
			[max : 8m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
8 (a)	F1 Memberi tunjuk ajar kepada rakan	1
	F2 Membawa rakan untuk belajar budaya kaum yang lain	1
	F3 Memberi sokongan kepada rakan untuk belajar budaya asing	1
	F4 Memperkenalkan rakan kepada individu yang baik	1
	(Mana-mana jawapan munasabah)	[Mak. 4 m]
8 (b)	W : Masyarakat Malaysia N1 Patriotisme N2 Rasional N3 Bertanggungjawab N4 Toleransi - Menambahkan kemahiran - Dapat mengenali rakan baru - Meningkatkan pengetahuan budaya yang berbeza - Mengukuhkan perpaduan kaum - Mengeratkan hubungan antara satu sama lain - Mengukuhkan semangat patriotisme - Bersikap terbuka - Dapat bersama meriahkan perayaan - Mewujudkan agenda penguatkuasaan kebudayaan - Memperkenalkan program adat dan budaya yang khusus - Mempromosikan adat dan budaya di luar negara - Memberi insentif kepada organisasi yang menjalankan program kebudayaan - Memperkenalkan dasar berkaitan adat dan budaya - Mewartakan adat dan budaya di luar negara - Jadikan sebahagian budaya dan adat dalam sistem pendidikan	Mengikut rubrik pemarkahan yang ditetapkan [Mak. 8 m]

	Menjalankan kempen adat dan budaya <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	
8 (c)	Watak bergantung dengan pihak yang memainkan peranan. Peranan Kerajaan - Menubuhkan agensi seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk merancang dan melaksana dasar budaya. - Menganjurkan program seperti Festival Kebudayaan, Citrawarna, Hari Kraf Kebangsaan untuk mempamerkan pelbagai budaya kepada pelancong dan rakyat tempatan. - Menyediakan peruntukan kewangan dan sokongan kepada NGO dan penggiat budaya. Peranan Sekolah dan Institusi Pendidikan - Menyediakan kurikulum yang merangkumi unsur budaya pelbagai kaum. - Mengadakan sambutan perayaan seperti Hari Kebangsaan, Hari Raya, Tahun Baharu Cina, Deepavali di sekolah untuk galakkan pemahaman dan toleransi. - Kelab kebudayaan dan ko-kurikulum mendedahkan pelajar kepada tarian, muzik dan pakaian tradisional. Peranan Media Massa dan Media Sosial - Menyiarkan dokumentari, rancangan hiburan dan berita tentang budaya tempatan. - Platform seperti YouTube, Instagram dan TikTok digunakan untuk promosi seni, makanan, pakaian dan warisan budaya secara global. - Membantu menyebarkan maklumat dengan pantas dan menarik minat generasi muda. Peranan Badan Bukan Kerajaan (NGO) - Menganjurkan bengkel budaya, pameran seni dan pertandingan kebudayaan. - Membantu komuniti kecil mengekalkan budaya mereka dan memperkenalkannya kepada umum. - Berperanan sebagai jambatan antara masyarakat dan agensi kerajaan. Peranan Individu dan Komuniti - Mewariskan amalan budaya seperti masakan, seni ukir, tarian dan adat resam kepada generasi muda. - Menggalakkan perpaduan melalui penyertaan dalam acara pelbagai kaum. - Menggunakan media sosial untuk berkongsi pengalaman budaya dan warisan keluarga. <i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i>	Mengikut rubrik pemarkahan yang ditetapkan [Mak. 8 m]

Soalan	Nilai Universal/ Fakta / Konsep/ Ciri/ Definisi/Huraian/ Contoh	Markah
9 (a)	F1 Kerjasama ekonomi dan perdagangan antarabangsa	1
	F2 Kerjasama pendidikan dan penyelidikan	1

	F3 Kerjasama dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa	1
	F4 Kerjasama alam sekitar dan perubahan iklim	1
		mak:4 m
9 (b)	F1 Perkongsian sumber dan kepakaran secara global	1
	H1 Kerjasama membolehkan negara-negara berkongsi kepakaran, teknologi, tenaga kerja dan sumber logistik untuk menangani krisis kemanusiaan dengan lebih berkesan	1
	K1 Bantuan dapat disalurkan dengan lebih cepat, tersusun dan menyeluruh kepada mangsa bencana atau konflik	1
	C1 Malaysia bekerjasama dengan negara luar dalam misi bantuan kepada pelarian Syria dan mangsa banjir di Pakistan	1
	I1 Gabungan kekuatan pelbagai negara mempercepatkan pemulihan dan menyelamatkan lebih banyak nyawa	1
	F2 Menangani isu global secara bersama dan berkesan	1
	H2 Isu global memerlukan pendekatan kolektif kerana kesannya merentasi sempadan negara	1
	K2 Meningkatkan keberkesanan bantuan dan membina sistem sokongan antarabangsa yang mampan	1
	C2 Malaysia menyertai misi bantuan kemanusiaan di Gaza bersama NGO antarabangsa untuk menyalurkan ubat, makanan dan sokongan psikologi	1
	I2 Kerjasama ini membuktikan bahawa penyelesaian kepada isu global memerlukan perpaduan dan tindakan bersama	1
	F3 Meningkatkan kesedaran dan pendidikan kemanusiaan	1
	H3 Melalui kerjasama, negara dapat berkongsi pengalaman / pengetahuan tentang pengurusan krisis, pendidikan sivik dan nilai kemanusiaan	1
	K3 Masyarakat lebih peka terhadap isu global dan terdorong untuk menyumbang secara aktif dalam misi kemanusiaan	1
	C3 Program kesukarelawanan belia Malaysia bersama NGO antarabangsa seperti Mercy Malaysia dan Red Cross membentuk generasi yang berempati dan bertanggungjawab	1
	I3 Kerjasama bukan sahaja menyelamatkan nyawa, tetapi juga membina jiwa masyarakat yang peduli dan berjiwa global	1
	*terima mana-mana jawapan yang munasabah	mak:8 m
9 (c)	F1 Risiko keselamatan di zon konflik atau bencana	1
	H1 Petugas sering dihantar ke kawasan yang tidak stabil dan berdepan ancaman fizikal, serangan, atau kemalangan	1
	K1 Keselamatan diri terancam dan boleh menjejaskan keberkesanan misi serta menyebabkan trauma jangka panjang	1
	C1 Petugas Malaysia yang menyertai misi ke Gaza dan Syria berdepan risiko serangan udara dan kekurangan perlindungan asas	1
	I1 Latihan keselamatan dan sokongan psikologi perlu diperkukuh sebelum dan selepas misi	1
	F2 Kekangan logistik dan infrastruktur	1
	H2 Kawasan terjejas menyukarkan misi penghantaran bantuan kepada mangsa	1
	K2 Bantuan lambat sampai, mangsa tidak mendapat rawatan segera, dan petugas terpaksa bekerja dalam keadaan serba kekurangan	1

	C2 Sebagai contoh gangguan bekalan air, elektrik, komunikasi dan jalan raya yang rosak	1
	I2 Kerjasama dengan NGO tempatan dan penggunaan teknologi seperti dron atau sistem satelit boleh membantu mengatasi kekangan ini	1
	F3 Kekurangan dana dan sokongan kewangan	1
	H3 Misi kemanusiaan memerlukan perbelanjaan besar untuk logistik, perubatan, makanan dan perlindungan. Dana yang terhad menyekat skop bantuan	1
	K3 Program bantuan terpaksa dikurangkan, dan petugas menghadapi tekanan untuk mengurus sumber yang terhad	1
	C3 NGO Malaysia terpaksa menangguhkan projek bantuan jangka panjang kerana kekurangan bajet	1
	I3 Strategi pembiayaan seperti crowdfunding dan sokongan korporat perlu diperkasa untuk kelangsungan misi	1
	*terima mana-mana jawapan yang munasabah	mak:8 m